

04/08/2000

Bumiputera tiada lagi alasan gagal berniaga

Jamhariah Jaafar

USAHAWAN Bumiputera tidak lagi mempunyai alasan untuk gagal sebagai ahli perniagaan berwibawa, apalagi jika terbabit secara langsung dengan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper).

Prosper yang baru diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah satu skim yang bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan runcit, terutama membabitkan mereka yang memang berminat untuk berniaga tetapi tidak mempunyai modal besar seperti bekas tentera dan polis.

Fungsi utama skim ini adalah untuk mengintegrasikan dan menyelaras pelbagai aspek perniagaan yang akan memudahkan pembabitkan kaum Bumiputera.

Antara kemudahan yang disediakan oleh skim ini ialah premis, modal, pinjaman, peluang perniagaan, perakaunan dan pengurusan tunai, peserta yang berkelayakan, latihan dan penyelarasan.

Antara penghalang utama yang terpaksa dihadapi peniaga Bumiputera selama ini ialah kesukaran untuk mendapatkan premis sesuai mengikut kemampuan, berikutan harga hartanah dan sewa di lokasi tertentu terlalu mahal.

Justeru, sebagai penyelesaian, Prosper melantik sebuah syarikat, iaitu TPPT Sdn Bhd (TPPT) yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan beberapa bank perdagangan tempatan, untuk membeli hartanah yang sesuai dan kemudian menyewakannya kepada peniaga Bumiputera yang menyertai skim ini.

Sewa yang bakal dikenakan adalah berasaskan konsep mampu bayar, bermula dengan kadar sewa yang rendah pada awal operasi dan hanya akan meningkat sejajar dengan kemajuan perniagaan.

Peniaga Bumiputera juga mempunyai pilihan untuk membeli hartanah berkenaan dari TPPT, dengan antara cara pembiayaan pembelian berkenaan ialah menerusi terbitan bon dan pengsekuritan.

Menurut laporan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri yang bertanggungjawab secara langsung ke atas projek ini, beberapa ruang niaga sudah dikenal pasti dan satu panel penasihat juga dibentuk untuk membantu ruang niaga serta unit peruncitan yang berdaya maju di seluruh negara.

Masalah modal yang sering menjadi faktor penghalang kepada pembabitkan aktif Bumiputera selama ini, diharap dapat diatasi melalui mekanisme sokongan ekuiti daripada Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) yang berlandaskan konsep perbankan Islam iaitu musyarakah mutanaqisah (perkongsian ke arah pengurangan pemilikan).

Sebagai contoh konsep mutanaqisah ialah jika peniaga hanya mempunyai modal RM100,000 tetapi perniagaannya memerlukan RM1 juta, maka PUNB akan menokok RM300,000 bagi melayakkan peniaga terbabit menerima pinjaman maksimum bank berdasarkan nisbah geran sehingga 1.5 ganda.

Mekanismenya ialah: Dengan modal peniaga RM100,000 manakala PUNB RM300,000, keuntungan akan dikongsi antara peniaga dan PUNB berdasarkan nisbah ekuiti masing-masing. Peniaga juga akan menerima gaji daripada perniagaan yang dijalankan manakala bahagian keuntungan peniaga akan digunakan untuk membeli balik ekuiti daripada PUNB secara berperingkat.

Justeru, selaras dengan peningkatan ekuiti peniaga melalui cara beli balik itu, maka agihan keuntungan juga akan meningkat dan akhirnya perniagaan itu akan menjadi milik ahli perniagaan itu sepenuhnya.

Sementara itu, berdasarkan objektif untuk memastikan kemudahan pinjaman tidak menjadi penghalang dalam projek ini, satu skim khas telah dirangka yang mana Perbadanan Jaminan Kredit (PJK) akan memastikan kelulusan segera dan pengeluaran pinjaman berjalan lancar.

Melalui konsep yang dikenali sebagai Skim Jaminan Fleksi (SJF), jaminan akan diberi oleh PJK antara 30 peratus sehingga 100 peratus ke atas pinjaman. Dengan kaedah ini, bank-bank boleh memutuskan mengenai jumlah risiko yang ingin ditanggung bagi pembiayaan pinjaman berkenaan.

Disebabkan kelemahan dalam pengurusan perakaunan dan tunai sering menjadi punca ahli perniagaan Bumiputera 'tutup kedai', maka melalui skim ini PUNB akan mengurus kedua-dua aspek pada peringkat awal melalui panel akauntan yang dilantik. Dengan cara ini, peniaga Bumiputera dapat memberi tumpuan yang lebih kepada aspek perniagaan dan pemasaran.

Bagaimanapun, peniaga akan mengambil alih sepenuhnya tugas PUNB itu apabila mereka sudah mahir dalam menguruskan operasi perakaunan dan aliran tunai.

Mengenai peluang perniagaan, aktiviti di bawah skim Prosper ini akan meliputi perniagaan francais dan bukan francais, dengan beberapa siri perbincangan dengan wakil francais telah diadakan untuk meneroka peluang francais berdaya maju bagi penyertaan Bumiputera. Beberapa francaisor juga telah bersetuju untuk memberi insentif khas bagi projek ini dengan skop perniagaan akan meliputi kedua-dua sektor perkhidmatan dan barangan.

Beberapa contoh perniagaan runcit yang akan diberi tumpuan oleh Prosper ialah kedai runcit; barangan elektrik dan elektronik; farmasi; bidang makanan (termasuk bakeri); telekomunikasi/IT; kedai cenderamata; perabot; buku dan majalah; pembekalan peralatan pejabat dan alatan tulis; kedai gambar/jam; kain dan pakaian; bahan-bahan binaan dan pembinaan; stesen minyak; pengedar kereta/ motosikal serta bengkel baik pulih.

Apa yang menarik ialah skim ini terbuka kepada semua Bumiputera yang cenderung untuk membabitkan diri dalam sektor peruncitan dan sanggup bekerja sepenuh masa dalam perniagaan.

Antara kumpulan sasar kerajaan untuk menyertai skim ini ialah pesara tentera. Perdana Menteri sendiri sudah memberi taklimat kepada sekumpulan pesara tentera berpangkat pegawai mengenai peluang yang boleh mereka teroka dalam bidang ini.

Di samping itu, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melalui Persatuan Hal Ehwal Anggota Tentera (Perhebat), juga telah diarahkan supaya menyediakan latihan asas kepada pesara pelbagai pangkat seperti fabrikasi besi, mekanik tentera, elektrik dan elektronik, fotografi, runcit, IT dan industri makanan.

Peserta yang telah dilatih boleh diserapkan untuk penyertaan Prosper, mungkin melalui cara penggabungan antara kumpulan tiga atau empat orang untuk mengendalikan satu ruang niaga yang menyediakan perkhidmatan berdasarkan kemahiran yang ada.

Peniaga Bumiputera yang telah terbabit dalam sektor runcit tetapi ingin mengembangkan perniagaan juga layak menyertai skim ini, begitu juga mereka yang telah menyewa premis dan berhasrat untuk mendapat faedah daripada mekanisme sewa dan milik melalui Prosper.

Melalui projek ini juga, peniaga Bumiputera boleh mengikuti latihan anjuran pelbagai organisasi, termasuk institusi bank-bank Malaysia (dalam aspek kewangan), PUNB (perniagaan dan pemasaran), Perhebat (teknikal) dan Persatuan Francais Malaysia.

Projek anjuran Pejabat Perdana Menteri ini akan diselaraskan oleh Kumpulan Bertindak yang dipengerusikan oleh Penasihat Khas Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yaakcop. Satu sekretariat khas telah dibentuk di PUNB dan mereka yang berminat boleh menghubungi PUNB, di Tingkat 18, Wisma UOA, No 21, Jalan Pinang, 50450, Kuala Lumpur.

Skim ini adalah antara usaha kerajaan untuk merealisasikan hasrat meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan. Walaupun angka usahawan Bumiputera meningkat setiap tahun, namun jumlah itu masih jauh daripada sasaran penyertaan 30 peratus yang diharap.

Justeru, peluang seperti ini adalah antara usaha kerajaan untuk memastikan agihan kek ekonomi yang lebih setara dengan kaum lain, terutama Cina, di negara ini. Bagaimanapun, kerajaan hanya mampu menyediakan peluang tetapi untuk memastikan impian itu menjadi realiti bergantung kepada kesungguhan peniaga Bumiputera sendiri.

(END)